

Newspaper	Harakah
Date	12/4/2013

Harakah – 12 April 2013

Mahathir pertahan kekayaan anak, bukan bela Melayu

Oleh NAZAR HASHIM

MERBOK: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad bukan mahu mempertahankan hak Melayu sebaliknya beriya-ia melindungi kekayaan anaknya, kata Setiausaha Agung KeADILan, Dato' Saifuddin Nasution Ismail (**gambar**).

“Bangkitnya Mahathir menjelang PRU13 bukan hendak perjuangkan hak Melayu tetapi bagi mempertahankan kedudukan anaknya dalam politik dan kekayaan anak. Mahathir takut kalau Pakatan perintah, semua kekayaan anaknya akan



Merbok, Kedah 7 April lalu. Saifuddin berkata, Mahathir juga mahu kekal sebagai

jadi agenda utama yang dibongkar. Ini amat ditakutinya, bukannya pasal hak Melayu,” katanya depan kira-kira 10,000 hadirin di Padang Awam Bandar Laguna

Penasihat Petronas supaya anaknya terus mudah menikmati kontrak syarikat petroleum nasional itu.

Katanya, gelagat Mahathir kononnya mahu membela kepentingan orang Melayu hanya momokan yang sengaja dipublisiti bagi mengalih isu pendedahan kekayaan melampau anaknya.